



# suara eperolehan

<http://home.eperolehan.com.my/bm/press/suara2007.aspx>

Januari 2007 | Fasa 4 | Edisi 15


**Ketua Redaksi**  
Pn Noor'aini Abdul Razak

**Sidang Redaksi**  
Pn Norzalilah Mohd Mohhtar  
Cik Sarina Sabri  
Pn Nor Mazita Shariff  
En Madzli T. Othman  
En Nor Azman Saat

**Grafik & Rekabentuk**  
Cik Salinawati Sani

## Pencapaian Transaksi Melalui Sistem ePerolehan bagi tahun 2005 dan 2006

Sistem ePerolehan (eP) telah berjaya merekodkan transaksi perolehan berjumlah RM2.006 bilion pada tahun 2006. Ini adalah peningkatan 100% berbanding RM1 billion pada tahun 2005. Transaksi perolehan ini meliputi pembelian barangan dan juga perkhidmatan yang diperlukan oleh semua 28 Kementerian melalui pembelian Terus, Sebut Harga, Tender, Kontrak Pusat dan Kontrak Kementerian. Sejumlah 170,169 pesanan tempatan telah dikeluarkan pada tahun 2006 berbanding dengan 140,000 pada tahun 2005.



(Graf perbandingan transaksi ePerolehan bagi tahun 2005 dan 2006)

### Khidmat Bantuan ePerolehan



Tel: **03 7985 7888 / 7777**  
Faks: **03 7985 7744**  
Emel: **bantuanptj@eperolehan.com.my**  
**bantuan@eperolehan.com.my**

Laman web: **www.eperolehan.com.my**



Perkhidmatan Terbaik  
Tanggungjawab Kami

## PENCAPAIAN TRANSAKSI MELALUI SISTEM ePEROLEHAN MENGIKUT KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2006

Transaksi berjumlah RM2.006billion pada tahun 2006 melalui sistem ePerolehan (eP) yang telah berjaya direkodkan merupakan satu peningkatan 100% berbanding tahun 2005. Kementerian yang telah merekodkan transaksi bernilai paling tinggi adalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) dengan jumlah transaksi sebanyak 19,577 bernilai RM388,939,453. Transaksi melalui Sistem eP mengikut Kementerian bagi tahun 2006 adalah seperti jadual di bawah:

KEMENTERIAN	JUM. PESANAN	NILAI PESANAN (RM)
JABATAN PERDANA MENTERI	15,835	120,364,334
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	3,107	26,046,376
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	7,513	158,180,552
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN	4,463	47,508,797
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	5,587	45,452,179
KEMENTERIAN KERJA RAYA	6,691	37,872,553
KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI	19,577	388,939,453
KEMENTERIAN KESIHATAN	35,161	331,931,454
KEMENTERIAN KEWANGAN	11,769	122,770,042
KEMENTERIAN LUAR NEGERI	1,010	9,208,166
KEMENTERIAN PELAJARAN	4,688	62,715,089
KEMENTERIAN PELANCONGAN	1,729	26,578,765
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	1,590	11,886,850
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	2,957	38,898,201
KEMENTERIAN PENERANGAN	3,792	40,334,244
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	28	322,963
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	5,223	58,010,816
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	1,296	8,557,225
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA	1,130	11,283,081
KEMENTERIAN PERTAHANAN	4,961	112,327,309
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	7,245	116,485,736
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	9,348	97,362,773
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	187	635,981
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	4,179	35,250,946
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	4,644	36,674,482
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	5,481	53,726,309
KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI	466	2,652,223
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	512	4,433,590
<b>JUMLAH</b>	<b>170,169</b>	<b>2,006,410,489</b>

## eBidding dalam ePerolehan Tingkatkan Persepsi Ketelusan Perolehan Kerajaan

*eBidding* adalah salah satu modul tambahan dalam ePerolehan dimana ianya ialah satu cara perolehan yang lebih berdaya saing bagi perolehan bekalan tertentu berasaskan konsep Lelongan Terbalik (*Reverse Auction*) yang beroperasi secara dinamik dan interaktif melalui Internet di antara pihak Kerajaan dan pihak pembekal.


*eBidding* dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk membuat pembelian, dimana para pembekal yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan akan dipelawa untuk membuat bidaan secara interaktif melalui Internet. Di dalam modul ini, pembekal dapat melihat kedudukan tawaran harga bidaannya dan boleh menukar dan menurunkan harga bidaan secara atas talian didalam tempoh bidaan yang telah ditetapkan untuk mendapatkan kedudukan teratas.

Sistem *eBidding* berfungsi menerima sebutharga, membuat perbandingan bidaan dan mengesyorkan sebut harga yang terbaik untuk pembelian setelah memproses semua sebutharga yang telah di tawarkan oleh pembekal yang terlibat. Dengan cara ini, pihak Kerajaan dapat menikmati harga bekalan yang paling rendah dan seterusnya pembekal dapat bersaing secara lebih telus, terbuka dan kompetitif.

Secara khususnya, modul *eBidding* dapat mempertingkatkan lagi persepsi ketelusan dalam perolehan kerajaan dengan ciri-ciri yang praktikal antaranya; **1. Pra-Kriteria Serta Spesifikasi Perolehan Yang Seragam, 2. Proses Rundingan Yang Pendek, 3. Pembekal Bersaing Secara Interaktif dan secara Terus di Atas Talian dan 4. Proses Penilaian Dan Tawaran Kontrak Yang Telus.**

Satu sesi *Pilot* pelaksanaan modul *eBidding* telah dijalankan pada 22 November 2006 di Kementerian Kewangan Malaysia melibatkan dua perolehan peralatan IT yang bernilai hampir RM1 juta setiap satu. Sebanyak 342 syarikat yang layak telah dijemput bagi menyertai sesi ini dan sebanyak 103 buah syarikat telah menghadiri taklimat. Syarikat yang berminat telah mengemukakan tawaran harga bagi perolehan ini. Pihak Kementerian Kewangan telah memilih 10 syarikat yang mengemukakan harga tawaran permulaan terendah dan munasabah bagi menyertai sesi *eBidding* pada 22 November 2006. Syarikat yang berjaya dalam sesi tersebut telahpun ditawarkan kontrak.

Perolehan Kerajaan adalah entiti rakyat dimana usaha untuk mempertingkatkan integriti didalam proses pengurusannya akan menjadikan titik tolak dalam usaha memartabatkan Malaysia di mata dunia. Kerajaan yakin, dengan penggunaan sistem ePerolehan dan modul tambahan *eBidding* ini secara menyeluruh, tahap ketelusan pentadbiran perolehan Kerajaan berupaya dipertingkatkan dan birokrasi dapat dihindarkan.



# membuat jalinan adalah semudah tic-tac-toe making the link is as easy as tic-tac-toe



## eperolehan

- Sistem perolehan elektronik yang membolehkan pembekal menjual barangan dan perkhidmatan melalui internet
- Membuka pintu ke alam ekonomi digital baru.

Pusat perdagangan *online* rasmi dan terjamin membolehkan anda menjalankan perniagaan *online* secara sulit dan persendirian

Menyokong semua perolehan Kerajaan, merangkumi perolehan Kontrak Pusat, Tender, Sebut Harga dan Pembelian Terus.

Kelebihan daya saing paspot anda ke dunia e-dagang. Laluan anda ke masa depan.

Maralah dengan cara baru perniagaan perolehan elektronik. Lengkapkan perniagaan anda dengan ePerolehan sekarang juga.

- Electronic procurement system which enables suppliers to sell goods and services to the Government through the internet.
- Opening doors to the new digital economy

Official and secure online marketplace enabling you to do business online in private and confidential.

Supports all Government procurement types which include Central Contract procurement, Tender, Quotation and Direct Purchase.

Competitive edge and passport to the world of e-commerce. Link to the future.

Forge ahead with the new way of doing business. Get enabled now.

commercedotcom

commerce dot com sdn bhd  
second floor, wisma amtek  
no. 15 jalan tandang  
46050 petaling jaya  
selangor, malaysia

tel : 03-7985 7777  
fax : 03-7985 7744  
email : bantuan@eperolehan.com.my



www.eperolehan.com.my :: www.commercedc.com.my